KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15.03.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Pasukan penyelamat perlu tiga hari sampai pada kedudukan pekerja kuari tertimbus

Tinggal 20 meter ke lokasi mangsa

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Selepas seminggu kerja-kerja mengalihkan bongkah batu dijalankan, kini hanya tinggal 20 meter lagi untuk pasukan penyelamat tiba di lokasi dua pekerja kuari tertimbus runtuhan batu dipercayai berada.

Timbalan Komander Operasi 2 Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak, Umrani Che Mat berkata, meskipun jarak tidak terlalu jauh, namun pasukan penyelamat memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga hari lagi untuk sampai ke lokasi itu.

Katanya, keadaan cuaca tidak menentu termasuk hujan pada sebelah petang serta beberapa siri pergerakan tanah dan runtuhan kecil menyukarkan operasi mengesan mangsa.

"Setakat ini, kita telah membuka laluan sejauh 300 meter dan kini berbaki 20 meter sahaja lagi. Bagaimanapun, ia bukanlah lokasi tepat mangsa sebaliknya berdasarkan gambaran saksi.



KERATAN *Kosmo!* 10 Mac 2022.

"Buat masa sekarang kerja-kerja membuka laluan dilakukan menggunakan tiga jengkaut yang setiap satunya bertindak mengalihkan, memecahkan dan menggerudi batu besar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, sehingga kini pihaknya tidak mengesan sebarang petunjuk baharu sama ada membabitkan bau mahupun serpihan jengkaut tertimbus.

Katanya, anjing dari Unit Anjing Pengesan (K9) bomba juga belum diatur gerak untuk masuk ke lokasi runtuhan ekoran keadaan muka bumi yang masih tidak selamat bagi kerja-kerja mengesan mangsa.

"Kerja-kerja pengalihan batu hari ini (semalam) bermula pukul 8.30 pagi, namun dihentikan sementara pukul 11 pagi berikutan terdapat runtuhan kecil.

"Operasi disambung semula pada pukul 12.30 tengah hari dengan proses pemantauan dan keselamatan dilakukan Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (STORM) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)," katanya.

Dalam kejadian sekitar pukul 9.15 pagi di tapak kuari dekat Keramat Pulai, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands Selasa lalu, dua mangsa tertimbus runtuhan batu dikenali sebagai Itam Lasoh, 43, dan Kheow Loo Siew Soon, 49.

Dalam kejadian itu, dua lagi mangsa cedera termasuk seorang berusia 35 tahun patah tulang kaki dan dirawat di hospital.



KERJA-KERJA pengalihan bongkah batu besar dijalankan di tapak kuari dekat Keramat Pulai, Jalan Simpang Pulai, Ipoh, semalam.